

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 18 APRIL 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5

## Peruntukan RM411j bina kompleks sukan

### Peruntukan RM411j bina kompleks sukan

**KOTA BHARU** – Peruntukan sebanyak RM411 juta telah diluluskan untuk pembinaan Kompleks Sukan di Bukit Merbau, dekat Pasir Puteh bagi temasya Sukan Malaysia (Sukma) Kelantan pada 2026.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, peruntukan itu merupakan perkongsian antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan untuk pembinaan Kompleks Sukan itu.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak RM276 juta merupakan peruntukan Kerajaan Pusat, manakala RM135 juta lagi daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

“Kita mempunyai perancangan yang rapi pada tahun ini dengan menjalankan kerja-kerja reka bentuk dan infrastrukt-

tur sebelum pembinaan dilaksanakan bermula tahun depan.

“Projek Kompleks Sukan ini dijangka siap pada 2025 dan ia dijangka mengambil masa antara dua hingga tiga tahun,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan Taklimat Status Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) Negeri Kelantan dengan kerajaan negeri di Kompleks Kota Darulnaim, di sini semalam.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Nazran Muhammad dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti Kelantan, Datuk Azami Mohd. Nor.

Temasya Sukma kali ke-22 dijadualkan berlangsung di Kelantan pada 2024, namun penganjurannya ditunda ke tahun 2026.



**MUSTAPA (kanan)** pada sidang akhbar di Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu semalam. – ROSLIZA MOHAMED